



DR. IBRAHIM ABU SHAH (empat dari kiri) bersama wakil penaja Persidangan Sedunia ISME2006 selepas sidang akhbar di UiTM, Shah Alam baru-baru ini.

# UiTM

## anjur Persidangan Sedunia ISME2006

UM 22/5/06

OLEH ABD. AZIZ ITAR  
GAMBAR HUSSIN IBRAHIM

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) mengahayakan nama negara apabila diberi kepercayaan menganjurkan Persidangan Sedunia Pendidikan Seni Muzik di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 16 Julai hingga 21 Julai ini.

Malaysia merupakan negara Asia Tenggara pertama dan ketiga di Asia selepas Jepun dan Korea Selatan yang pernah diberi peranan menganjurkan persidangan tersebut.

Persidangan dwi-tahunan kali ke-27 anjuran Persatuan Antarabangsa Untuk Pendidikan Muzik (ISME) itu diadakan bagi menjana perkembangan seni muzik di kalangan negara anggota.

Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, pelbagai program telah diatur pada persidangan itu yang akan dihadiri oleh 800 peserta dari 80 negara.

"Program persidangan ISME2006 terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu pembentangan kertas kerja, bengkel, simposium serta konsert dan pameran.



DR. IBRAHIM ABU SHAH

"Sepanjang persidangan, 330 kertas kerja, 100 bengkel muzik, 44 forum dan 56 konsert akan dipersembahkan oleh para pendidik serta pemuzik dari negara-negara peserta," katanya pada sidang akhbar di UiTM, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Menurut Dr. Ibrahim, UiTM berbangga kerana diberi kepercayaan menganjurkan persidangan muzik yang disertai oleh ahli-ahli persatuan pendidid-

kan muzik terbesar di dunia. Jelasnya, ISME mempunyai seramai 500,000 ahli dari 106 buah negara seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada.

"UiTM mengambil peranan ini kerana menyedari betapa pentingnya muzik sebagai salah satu cabang ilmu dalam kursus yang kami tawarkan.

"Ini kerana UiTM merupakan institusi pengajian tinggi pertama di negara ini yang menawarkan kursus dalam bidang muzik iaitu sejak tahun 1984," ujarnya.

Dr. Ibrahim merupakan Pengerusi Jawatankuasa Induk dan Penganjur Utama ISME2006.

Yuran pendaftaran sebanyak RM300 dikenakan kepada peserta yang beminat mengikuti program-program sepanjang persidangan itu berlangsung.

Malaysia melalui Kementerian Pelajaran menaja seramai 307 orang guru muzik bagi mengikuti persidangan muzik terulung di dunia itu.

Kata Dr. Ibrahim lagi, sempena persidangan kali ini UiTM akan mengadakan Anugerah ISME Malaysia untuk penggiat yang banyak menyumbang kepada perkembangan muzik di negara ini.

Anugerah yang menyediakan hadiah berupa sijil pengiktirafan kepada dua pemenang itu terbuka kepada mana-mana

individu yang layak bertanding.

Semua pencalonan mesti diiringi dengan biodata dan rencana antara 350 dan 500 perkataan yang menghuiraikan mengapa calon itu layak menerima anugerah tersebut.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung anugerah itu, hubungi talian 03-5522 7461.

**UiTM berbangga kerana diberi kepercayaan menganjurkan persidangan muzik yang disertai oleh ahli-ahli persatuan pendidikan muzik terbesar di dunia.**